

**SPESIFIKASI TEKNIKAL****SEBUTHARGA BIL. 1/2023 :****PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK BESERTA  
PERKHIDMATAN UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN SME CORP. MALAYSIA****1. OBJEKTIF**

- 1.1 **Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia)** menyediakan Polisi Perlindungan Takaful Berkelompok (*Group Personnel Accident* dan *Group Term Life Assurance*) kepada pegawai dan kakitangannya. Polisi Perlindungan Insuran Berkelompok ini perlu diperbaharui setiap tahun yang mana akan berakhir pada 22 Februari 2023. Justeru itu, lantikan semula perlu dilakukan ke atas Syarikat Insuran untuk memperbaharui Polisi Perlindungan Insuran Berkelompok tersebut mengikut tempoh masa yang ditetapkan agar pegawai dan kakitangan SME Corp. Malaysia sentiasa dilindungi dari sebarang perkara yang tidak dijangka.
- 1.2 **Nilai Perlindungan Asas** ditambahbaik kepada **RM150,000.00** pada tahun ini dan manfaat penyakit kritikal (*critical illness*) dikekalkan.

**2. SKOP PERKHIDMATAN**

- 2.1 Perlindungan / manfaat yang disediakan adalah seperti berikut:

Bil.	Manfaat	Nilai (RM)
1.	Manfaat Kematian (sebab biasa) termasuk penyakit membawa maut;	150,000.00
2.	Manfaat Kematian (sebab kemalangan);	150,000.00
3.	Manfaat Keilangan Menyeluruh dan Kekal (sebab biasa);	150,000.00
4.	Manfaat Keilangan Menyeluruh dan Kekal (sebab kemalangan);	150,000.00
5.	Manfaat Keilangan Separa Kekal (sebab biasa dan sebab kemalangan);	150,000.00
6.	Manfaat Pembayaran Semula Perubatan Sebab Kemalangan; dan	N/A
7.	Manfaat Penyakit Kritikal ( <i>Critical Illness</i> ).	Sekurang-kurangnya 50% dari jumlah Perlindungan Asas.

### 3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Kontrak Sebutharga ini adalah bagi tempoh 12 bulan mulai 23 Februari 2023 sehingga 22 Februari 2024.
- 3.2 Bayaran akan dibuat secara **one-off** mengikut pelaksanaan perkhidmatan beserta inbois dan dokumen berkaitan.

### 4. SYARAT -SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian seperti berikut : **221801.**
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan di bawah.
- 4.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberikan kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
  - a. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui;
  - b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja; dan
  - c. Tidak mematuhi Jadual Pelaksanaan yang ditetapkan.
- 4.4 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan Liquidated & Ascertained Damages (LAD) berdasarkan formula berikut :

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari kerja lewat})$$

## SPESIFIKASI TEKNIKAL

### PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK BESERTA PERKHIDMATAN UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN SME CORP. MALAYSIA

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila √ atau x)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (sila nyatakan dengan jelas)	CATATAN *
A)	<b>MENGAWAL SELIA PELAKSANAAN KEMUDAHAN INSURAN</b>			
<b>1.0</b>	<b>MENGURUS DAN MENTADBIR MANFAAT INSURAN PEKERJA</b>			
1.1	<p>Pembekal dikehendaki melaksanakan Perkhidmatan Perlindungan Takaful kepada pegawai dan kakitangan SME Corp. Malaysia.</p> <p>Perkhidmatan seperti dibawah:-</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i. Manfaat Kematian (sebab biasa) termasuk penyakit membawa maut;</li><li>ii. Manfaat Kematian (sebab kemalangan);</li><li>iii. Manfaat Keilatan Menyeluruh dan Kekal (sebab biasa);</li><li>iv. Manfaat Keilatan Menyeluruh dan Kekal (sebab kemalangan);</li><li>v. Manfaat Keilatan Separa Kekal (sebab biasa dan sebab kemalangan);</li><li>vi. Manfaat Pembayaran Semula Perubatan Sebab Kemalangan; dan</li><li>vii. Manfaat Penyakit Kritikal (<i>critical illness</i>).</li></ul>			

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila √ atau x)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (sila nyatakan dengan jelas)	CATATAN *
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah Penyakit Kritikal yang dilindungi : sekurang-kurangnya 32 penyakit kritikal. (Melampirkan senarai jenis penyakit kritikal yang dilindungi untuk rujukan)</li> <li>• Sekurang-kurangnya 50% dari jumlah Perlindungan Asas. (Sila nyatakan jumlah amaun perlindungan di Bahagian Catatan )</li> </ul>			
1.2	<p>Polisi Perlindungan Takaful mengambil kira / meliputi pegawai yang sedang / mempunyai rekod cuti sakit atas sebab perubatan / pemulihan yang disahkan rekod cuti sakit oleh Pengamal Perubatan Berdaftar atau diperakukan oleh Lembaga Perubatan termasuk Pegawai Yang Bercuti Tanpa Gaji (CTG).</p>			
1.3	<p>Menyediakan sesi penerangan dan maklumat yang terperinci mengenai Polisi Perlindungan Takaful Berkelompok kepada pegawai dan kakitangan SME Corp. Malaysia.</p>			
1.4	<p>i. Menyediakan perkhidmatan sokongan bagi memudahkan dan menyelesaikan tuntutan atau membantu memberi maklum balas lanjut ketika berurusan.</p> <p>ii. Mengemukakan prosedur dan dokumen yang berkaitan tuntutan insuran dan manfaat penyakit kritikal.</p>			
1.5	<p>Sebarang urusan Penghantaran Perkhidmatan ini adalah ke alamat Bahagian HCD, SME Corp. Malaysia</p>			

BIL	BUTIR-BUTIR KERJA	PEMATUHAN (Sila <input type="checkbox"/> atau x)	SPESIFIKASI DITAWARKAN (sila nyatakan dengan jelas)	CATATAN *
B)	Jumlah perlindungan 323 orang			
C)	Had Umur 70 tahun			
D)	Tempoh kontrak selama 12 bulan (23 Februari 2023 – 22 Februari 2024).			
E)	Sila senaraikan kelebihan/keunikan perkhidmatan anda berbanding yang lain.			
F)	Sila senaraikan Anugerah dan Pengiktirafan yang telah diterima.			
G)	Berkeupayaan dan bersedia melaksanakan perkhidmatan di atas selepas dilantik (melalui Surat Setuju Terima) iaitu dalam tempoh kontrak 23 Februari 2023 sehingga 22 Februari 2024 (12 bulan).			

\* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

**SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAKAN ( / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)**

**NOTA PENTING:**

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh projek. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.

\* sila nyatakan di ruangan ini jika terdapat maklumat tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi.

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar.**

.....  
**Nama** :  
**Jawatan** :  
**Tarikh** :  
**Cop Syarikat** :